

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATO' SERI TIONG KING SING
[BINTULU]**

TARIKH : 17 MAC 2016 (KHAMIS)

SOALAN : 44

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu] minta MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA menyatakan :-

- (a) apakah pihak Kementerian mempunyai rancangan untuk mempercepatkan penyambungan perkhidmatan telefon bimbit memandangkan menara telekomunikasi telah wujud di beberapa tempat kawasan pedalaman di Bintulu; dan
- (b) adakah pihak Kementerian mempunyai rancangan untuk memperluaskan perkhidmatan jalur lebar di kawasan Bintulu terutamanya di kawasan luar bandar dalam masa terdekat ini supaya rakyat dapat terdedah kepada perkembangan isu semasa.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Sehingga 31 Januari 2016, Kementerian Komunikasi dan Multimedia melalui Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) telah membina sebanyak 203 buah menara komunikasi di negeri Sarawak. Manakala, sebanyak 149 buah menara lagi masih dalam peringkat pelaksanaan. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 15 buah menara komunikasi telah dibina di Bintulu manakala, sebanyak 7 menara komunikasi masih sedang dalam peringkat pelaksanaan.

Kementerian ini juga telah melaksanakan beberapa inisiatif untuk memperluaskan perkhidmatan jalur lebar di kawasan Bintulu. Berikut merupakan status pelaksanaan inisiatif jalur lebar di kawasan Bintulu sehingga 31 Januari 2016 :

Inisiatif	Siap Dilaksanakan	Dalam Pelaksanaan
Jalur Lebar Berkelajuan Tinggi (HSBB)	5,688 port	-
Jalur Lebar Pinggir Bandar (SUBB)	232 port	936 port
Pusat Internet 1Malaysia (PI1M)	4 PI1M	3 PI1M
WiFi Komuniti (WK)	36	29
Penaiktarafan Jalur Lebar 3G	24 lokasi	-